

Pasangan suami isteri, rakan edar pil erimin 5 dicekup

Sinar harian 13/04/2010 M/S/V12

KUALA LUMPUR - Tiga di-berkas selepas cubaan me-reka mengedarkan 700 biji pil erimin 5 dikesan polis dalam kejadian berhampiran sebuah stesen minyak di Sri Petaling, Brickfield, di sini, 6 April lalu.

Dalam serbuan kira-kira jam 4.45 petang itu, suspek wanita berusia 28 tahun berjaya ditangkap, manakala suaminya dan seorang rakan lelaki sempat melarikan diri.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid berkata, hasil pemeriksaan ke atas suspek wanita itu, polis menemui satu beg hijau berisi 50 papan pil erimin 5 yang dibalut surat kha-



● Wan Abdul Bari (dua,kiri) menunjukkan sebahagian daripada pil erimin 5 yang dirampas polis bersama tiga suspek, termasuk satu pasangan suami isteri, di Sri Petaling dan susur keluar ke Lebu Raya Kesas pada 6 April lalu.

bar.

"Jumlah keseluruhan dadah jenis itu yang dirampas adalah 500 biji dan bernilai RM12,500.

"Ekoran tangkapan itu, polis memperoleh maklu-

mat sebelum memberkas dua lagi suspek kira-kira 15 minit kemudian di susur keluar Lebu Raya Kuala Lumpur-Shah Alam (Kesas)," katanya pada sidang media di sini se-

malam.

Bari berkata, dalam tangkapan kedua itu, polis merampas 10 papan mengandungi 200 biji pil erimin 5 seberat 60 gram yang disorok di dalam beg kertas ungu.

"Dadah yang dianggarkan bernilai kira-kira RM5,000 itu ditemui di dalam kereta yang dinaiki dua suspek berumur 33 dan 36 tahun.

"Siasatan lanjut mendapati ketiga-tiga suspek itu aktif menjalankan kegiatan pengedaran dadah sejak sebulan lalu di sekitar Sri Petaling dan Cheras," katanya.

Kesemua suspek itu di-reman sehingga 19 April ini untuk siasatan lanjut.